

BAB IV**ANALISIS DATA DAN DAPATAN****4.1 Pengenalan**

Matlamat utama penganalisisan data dalam bab ini ialah untuk menjelaskan huraian kajian dalam bentuk angka berstatistik. Semua butiran dalam bentuk peratus ini memberi jawapan dan penjelasan kepada soalan-soalan kajian seperti yang terdapat dalam Bab I. Soalan-soalan yang diajukan kepada pelajar dipemeringkatkan mengikut lima jenis soalan iaitu pemahaman, mengisikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai yang telah disenaraikan, melengkapkan ayat, menukarkan perkataan Rumi kepada Jawi dan menukarkan perkataan Jawi kepada Rumi.

Seramai 80 orang murid tingkatan dua dikehendaki membaca senyap petikan yang diberi berdasarkan buku teks tingkatan dua, kemudian diminta menjawab soalan-soalan objektif aneka pilihan dan soalan subjektif yang telah disebutkan tadi.

Kemudian semua jawapan murid-murid diperiksa. Semua data jawapan dianalisis menggunakan pengiraan statistik SPSS. Pengiraan hanya menggunakan min, peratusan min dan hasil ujian t untuk mencari perbezaan tahap kemahiran membaca antara murid lelaki dan murid perempuan dan antara murid-murid yang duduk di dalam kelas yang baik prestasi pelajarannya dengan murid yang lemah.

Semua data tentang ujian pencapaian pelajar dan data soal selidik pelajar serta maklumat analisis kandungan ditunjukkan dalam bentuk jadual. Oleh itu pecahan huraian dalam bab ini terbahagi kepada beberapa bahagian seperti berikut:

4.2 Dapatan Penganalisisan Data

4.2.1 Tahap Pencapaian Markah Keseluruhan Ujian Jawi Murid-murid Tingkatan 2

Berikut ialah analisis tahap pencapaian murid tingkatan dua dalam keseluruhan ujian Jawi. Ini meliputi bahagian menjawab soalan berbentuk aneka pilihan berdasarkan petikan yang diberi, memenuhi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (jawapannya ada disenaraikan), memenuhi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (jawapannya tidak disediakan), menukarkan

perkataan daripada Rumi kepada Jawi dan menukarkan perkataan daripada Jawi kepada Rumi. Kesemuanya terdapat 35 soalan yang perlu dijawab. Setiap 1 soalan diberi 1 markah, jumlah markah penuh ialah 35.

Jadual 1

Penyelesaian?

Taburan Markah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
31 - 35	13 16.25%	16 20.0%	29 36.25%
26 - 30	11 13.75%	7 8.75%	18 22.50%
21 - 25	3 3.75%	3 3.75%	6 7.50%
16 - 20	2 2.50%	2 2.50%	4 5.00%
11 - 15	5 6.25%	1 1.25%	6 7.50%
6 - 10	6 7.50%	0 0.00%	6 7.50%
0 - 5	10 12.5%	1 1.25%	11 13.75%
Jumlah	50 62.5%	30 37.5%	80 100.00%

Jadual di atas menunjukkan bahawa 66.25% murid telah berjaya mendapat pencapaian markah yang baik dan 28.75% yang masih lemah pencapaiannya dalam ujian yang telah dikemukakan.

Berdasarkan jadual di atas juga, didapati 30.0% pelajar lelaki yang mendapat markah di antara 26 hingga 35. Manakala pelajar perempuan yang mendapat markah dalam lingkungan yang sama ialah 28.75%. Terdapat 20.0% pelajar lelaki yang mendapat markah di antara 0 hingga 10, tetapi hanya 1.25% pelajar perempuan yang mendapat markah yang sama. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar lelaki yang tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis Jawi berbanding dengan pelajar perempuan.

4.2.2 Perbezaan Tahap Pencapaian Kemahiran Bacaan Jawi Di Kalangan Murid Tingkatan 2 Dalam Kelas Baik (P) Dengan Kelas Sederhana (Q)

Jadual 2

Taburan markah	Kelas Baik (P)	Kelas Sederhana (Q)
31 - 35	26 65.0%	3 7.50%
26 - 30	9 22.5%	9 22.5%

21 - 25	3 7.50%	3 7.50%
16 - 20	1 2.50%	3 7.50%
11 - 15	1 2.50%	4 10.0%
6 - 10	0 0.00%	10 25.0%
0 - 5	0 0.00%	8 20.0%
Jumlah	40 100.0%	40 100.0%

Berdasarkan Jadual di atas, peratus murid yang berjaya mendapat markah di antara 26 hingga 35 ialah 87.5% dari kelas baik (P) dan 30.0% dari kelas sederhana (Q). Tidak ada seorang pun murid dari kelas (P) yang mendapat markah di antara 0 hingga 10, tetapi hampir separuh murid kelas (Q), iaitu 45.0% mendapat markah dalam lingkungan tersebut.

Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar yang lemah dalam bacaan dan tulisan Jawi ialah pelajar-pelajar dari kelas sederhana (Q).

4.2.3 Perbezaan Tahap Pencapaian Kemahiran Membaca Jawi Di Antara Murid Yang Pernah Belajar Di Sekolah Rendah Agama Dengan Yang Tidak Pernah Belajar Di Sekolah Rendah Agama.

Jadual 3

Taburan Markah	Bersekolah Agama	Tidak Bersekolah Agama (B)
31 - 35	21 46.7%	8 22.86%
26 - 30	12 26.8%	6 17.14%
21 - 25	3 6.60%	3 8.60%
16 - 20	3 6.60%	1 2.85%
11 - 15	1 2.20%	4 11.42%
6 - 10	1 2.20%	8 22.85%
0 - 5	4 8.90%	5 14.28%
Jumlah	45 100.0%	35 100.0%

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 73.5% murid yang mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Agama sebelum memasuki sekolah menengah mendapat markah yang tinggi antara 26 hingga 36, hanya 40.0% murid yang tidak bersekolah Agama mendapat markah dalam lingkungan tersebut. 11.0% daripada pelajar yang bersekolah Agama mendapat markah di antara 0 hingga 10 manakala 37.13% daripada pelajar yang tidak bersekolah Agama mendapat markah dalam lingkungan tersebut. Ini menunjukkan bahawa peratus pelajar yang lemah dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi lebih tinggi di kalangan pelajar yang tidak bersekolah Agama sebelum memasuki sekolah menengah.

4.2.4 Pencapaian Pelajar Dalam Pemahaman Petikan Jawi (Bahagian A)

Dalam bahagian ini pelajar diminta menjawab lima soalan berbentuk aneka pilihan A, B, C dan D berdasarkan petikan yang diberi. Setiap satu markah diberi kepada setiap soalan yang jawapannya betul. Oleh itu bahagian ini mengandungi lima markah.

Jadual 4

Bilangan Soalan	Kelas (P)	Kelas (Q)
5	31 77.5%	13 32.5%
4	6 15.0%	5 12.5%
3	1 2.50%	7 17.5%
2	0 0.00%	7 17.5%
1	1 2.50%	6 15.0%
0	1 2.50%	2 5.00%
Jumlah	40 100%	40 100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada 90% murid-murid dari kelas (P) dapat menjawab di antara 4 hingga 5 soalan bahagian (A), berbanding dengan hanya 35.0% murid kelas (Q) yang dapat menjawab soalan dalam lingkungan tersebut. Walau bagaimanapun masih terdapat 7.5% yang dapat menjawab 3 atau kurang daripada 3 soalan di bahagian ini di kalangan pelajar-

pelajar kelas (P), manakala 55.0% daripada pelajar dalam kumpulan (Q) yang dapat menjawab 3 soalan atau kurang daipada 3.

4.2.5 Pencapaian Pelajar Dalam Mengisi Tempat Kosong Di Dalam Ayat (Bahagian B)

Dalam bahagian ini pelajar diberi enam ayat untuk mereka mengisi tempat kosong dengan menulis perkataan yang sesuai. Perkataan ini diberi sebagai panduan kepada murid untuk menjawab. Satu markah diberi kepada setiap satu soalan. Oleh itu bahagian ini mengandungi enam markah. Dapatan daripada ujian bahagian ini adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5

Bilangan Soalan	Kelas (P)	Kelas (Q)
6	35 87.5%	15 37.5%
5	3 7.50%	1 2.50%
4	0 0.00%	2 5.00%
3	2 5.00%	2 5.00%

2	0 0.00%	4 10.0%
1	0 0.00%	2 5.00%
0	0 0.00%	14 35.0%
Jumlah	40 100%	40 100%

Berdasarkan Jadual 5 di atas, didapati 95.0% murid-murid dalam kelas (P) berjaya menjawab 4 hingga 6 soalan bahagian ini, manakala 5.0% lagi berjaya menjawab 3 soalan. Ada pun murid-murid dari kelas (Q), 45.0% yang berjaya menjawab di antara 4 hingga 6 soalan, dan masih terdapat 55.0% yang hanya berjaya menjawab 3 soalan atau kurang daripada 3.

4.2.6 Pencapaian Pelajar Dalam Melengkapkan ayat (Bahagian C)

Bahagian C ini adalah berbentuk melengkapkan ayat, di mana murid diminta melengkapkan pantun yang mudah sebanyak empat baris. 1 markah

diberi kepada setiap jawapan yang betul. Jumlahnya 4 markah. Berikut ialah hasil dapatan analisis data bagi bahagian ini.

Jadual 6

Bilangan Soalan	Kelas (P)	Kelas (Q)
4	19 47.5%	3 7.50%
3	7 17.5%	2 5.00%
2	6 15.0%	7 17.5%
1	4 10.0%	1 67.5%
0	4 10.0%	27 67.5%
Jumlah	40 100%	40 100%

Berdasarkan jadual di atas, 65.0% pelajar dalam kelas (P) dapat menjawab di antara 3 hingga 4 soalan dalam bahagian ini, manakala hanya 12.5% sahaja pelajar dalam kelas (Q) yang berjaya menjawab dalam lingkungan

tersebut. 87.5% pelajar dalam kelas (Q) hanya berjaya menjawab 2 soalan atau kurang daripada 2 dalam bahagian ini, tetapi 35.0% sahaja pelajar dalam kelas (P) yang berjaya menjawab dalam lingkungan tersebut.

4.2.7 Pencapaian Murid Dalam Menukar Perkataan Rumi Kepada Jawi (Bahagian D)

Bahagian ini pelajar dikehendaki menuarkan 10 perkataan dalam tulisan Rumi kepada tulisan Jawi. 1 markah diberi kepada setiap jawapan yang betul. Jumlahnya 10 markah. Berikut ialah hasil dapatan analisis bagi bahagian ini.

Jadual 7

Bilangan Soalan	Kelas (P)	Kelas (Q)
9 - 10	15 37.5%	3 7.50%
7 - 8	14 35.0%	3 7.50%
5 - 6	7 17.5%	7 17.5%
3 - 4	2 5.00%	8 20.0%
0 - 2	2 5.00%	19 47.5%
Jumlah	40 100%	40 100%

Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa terdapat 72.5% murid dalam kelas (P) dapat menjawab di antara 7 hingga 10 soalan, hanya 15.0% murid kelas (Q) dapat menjawab dalam lingkungan tersebut. Terdapat 10.0% murid kelas (P) yang berjaya menjawab 4 soalan dan kurang daripada 4. Manakala 67.5% murid dalam kelas (Q) yang hanya berjaya menjawab 4 soalan ke bawah.

4.2.8 Pencapaian Murid Dalam Menukar Perkataan Jawi Kepada Rumi (Bahagian E)

Bahagian ini pelajar dikehendaki menuarkan 10 perkataan dalam tulisan Jawi kepada Rumi. 1 markah diberi kepada setiap jawapan yang betul. Jumlahnya 10 markah. Berikut ialah hasil dapatan analisis data bagi bahagian ini.

Jadual 8

Bilangan Soalan	Kelas (P)	Kelas (Q)
9 - 10	36 90.0%	15 37.5%
7 - 8	4 10.0%	4 10.0%

5 - 6	0 0.00%	8 20.0%
3 - 4	0 0.00%	3 7.50%
0 - 2	0 0.00%	10 25.0%
Jumlah	40 100%	40 100%

Berdasarkan jadual 7 di atas, menunjukkan 100% pelajar dalam kelas (P) berjaya menjawab di antara 7 hingga 10 soalan bahagian ini. Manakala hanya 47.5% sahaja murid kelas (Q) dapat menjawab dalam lingkungan tersebut. Masih terdapat 32.5% pelajar dalam kelas (Q) yang hanya berjaya menjawab 4 soalan atau kurang daripada 4.

4.3 Contoh Kesalahan Ejaan Yang Ditemukan Dalam Data Yang Dianalisis

Beberapa contoh perkataan yang tinggi peratusnya pelajar tidak dapat menulis dalam tulisan Jawi. Perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut:

Perkataan	Ejaan Yang Salah	Ejaan Yang Betul
pulau	قولو فولو	قولاو
ramai	رامي	راماي
tunjukkan	تونجوكن تونجق肯	تونجوقكن
jolokkan	حولوكتن حولوق肯	حولوقكن
angkat	اعكته اعكتات	اعكت
balik	باليك باتلقي	باليق

sukan	سوکان سوکائن	سونکن
pagar	فائزر فائزار	خائزر
sekolah	سکولوں سکولواہ	سکولہ
malam	صلم مالام	صالم